

## **PENSYARIATAN RAYUAN MENURUT KEHAKIMAN ISLAM**

**MOHD AFIZUL HAKIM IBAKARIM**

Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor  
afizulhakim@gmail.com

### **ABSTRAK**

Pemeriksaan prosedur rayuan di mahkamah syariah adalah satu keperluan di Malaysia. Namun begitu, terdapat isu yang timbul dan perlu dianalisis seperti sejauh mana rayuan mempunyai asas dalam hukum syarak. Sehubungan itu, objektif kertas kerja ini akan menganalisis rayuan yang terdapat di dalam hukum syarak. Pengumpulan data dilakukan dengan satu kaedah, iaitu analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat asas rayuan sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran, al-Hadith dan amalan para sahabat. Justeru itu, kertas kerja ini penting bagi menguatkan hujahan untuk memperkasakan rayuan di mahkamah syariah di Malaysia.

*Kata kunci; Rayuan, Asas Hukum Syarak, Mahkamah Syariah*

### **PENGENALAN**

Perundangan Islam telah memberikan pengiktirafan terhadap sistem rayuan bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan selari dengan kehendak hukum syarak. Rayuan merupakan salah satu cara yang praktikal untuk menilai semula keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah rendah untuk dirayu ke mahkamah yang lebih tinggi terhadap pihak yang tidak berpuas hati. Rayuan juga merupakan satu jalan yang digunakan oleh pihak yang tidak berpuashati untuk mencabar kesahan suatu proses membuat keputusan oleh pihak berkuasa awam (Wan Azlan Ahmad *et al.*, 2006). Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk melihat kesan penerimaan syarak terhadap rayuan dalam kehakiman Islam. Di samping itu, penulis ingin melihat secara umum berkaitan dalil-dalil rayuan yang terdapat dalam al-Quran, al-Sunnah dan sebagainya. Kertas kerja ini akan menganalisis dalil-dalil yang terdapat dalam sumber hukum syarak untuk dijadikan sandaran atau asas dalam kertas kerja ini.

Kajian terdahulu yang dibuat oleh Abdul Basir Mohamad (2004) telah membincangkan dalam konteks definisi rayuan dan juga contoh-contoh kes rayuan yang diputuskan pada zaman Rasulullah SAW dan sahabat. Jika dilihat pada kajian lepas ini, tidak mengkhususkan kepada dalil hukum syarak yang hendak dibincangkan oleh pengkaji dalam kertas kerja ini. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan membincangkan kelompangan tersebut dengan melihat sejauh mana rayuan ini diterima oleh hukum syarak. Dalam pada itu, kertas kerja ini akan memberi pendedahan kepada pengamal undang-undang khususnya pengamal undang-undang syariah bahawa terdapat beberapa dalil syara yang berkaitan dengan rayuan dalam kehakiman Islam. Oleh sebab itu, kebanyakan pengamal undang-undang syariah hanya merujuk kepada satu-satu dalil sahaja ketika menulis alasan penghakiman berkaitan asas rayuan.

## PERBINCANGAN

### Rayuan Dalam Kehakiman Islam

#### *Definisi Rayuan*

Rayuan berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *Isti'naf*. Dari segi bahasa *Isti'naf* merupakan kata nama terbitan yang diambil daripada perkataan *a'nafa* (أنف) yang membawa tiga makna iaitu *Ibtida'* (الابتداء) bermaksud permulaan, iaitu menyambung sesuatu apabila ia dimulakan (Ibn Manzūr, 1990), *Istiqbal* (الاستقبال) bermaksud menerima, iaitu ia diteruskan jika ia diterima (Abū al-Qāṣīm Maḥmūd, t.th) dan *Muwasolata* (المواصلات) bermaksud menyambung (Abu al-Baqa', 1998). Dalam aspek lain, *Isti'naf* (استئناف) membawa maksud cara untuk merayu keputusan dengan mengemukakannya kepada mahkamah yang lebih tinggi daripada mahkamah yang mengeluarkannya untuk membatalkan atau memindanya (Syauqi Dhaif, 2011). Berdasarkan kepada sorotan makna di atas jelas menunjukkan bahawa dari segi bahasa, *Isti'naf* (استئناف) hanya mempunyai satu makna iaitu “mengulang”. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa *Isti'naf* yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah rayuan, mengulang perbicaraan dan mengubah keputusan dalam sesuatu perbicaraan.

#### *Istilah Rayuan*

Rayuan dari segi istilah syarak sering disebut dalam kitab-kitab fiqh, tetapi penggunaannya lebih ketara dalam bab-bab berkaitan ibadah (Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, 1983). Dalam kehakiman Islam, perkataan rayuan tidak disebut dalam kitab-kitab fiqh untuk membawa erti penyambungan (rayuan) keputusan, kerana ia tidak pernah digunakan oleh ulama fiqh. Para ulama fiqh mengistilahkan rayuan dengan perkataan yang lain, contohnya “mempertahankan”, yang mana ini boleh berlaku sebelum atau selepas keputusan. Iaitu, orang yang didakwa boleh cuba “mempertahankan” diri, berusaha menolak dan menggugurkan pendakwaan (Haidar Ali, 1996). Ibn Urnus (1934), beliau berpandangan bahawa ramai pengamal perundangan menyangka bahawa keputusan rayuan adalah ciptaan badan perundangan yang berkepentingan, tetapi sesiapa yang meneliti kata-kata daripada ulama fiqh, mereka telah lebih awal menceritakan tentang “rayuan”. Walaupun mereka tidak meletakkan ia sebagai tajuk utama, namun telah jelas diistilahkan sebagai “mempertahankan”. Pandangan ulama fiqh berhubung “mempertahankan diri” daripada pendakwaan selepas keputusan dibuat membawa erti yang sama dengan istilah “rayuan” kerana ia memperlihatkan atau mengemukakan semula pendakwaan tersebut.

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, penulis membuat kesimpulan bahawa rayuan dalam istilah syarak adalah bertepatan dengan makna dari segi bahasa, iaitu mengambil sesuatu daripada awalnya dengan diibaratkan sebagai meneliti atau mengkaji semula perbalahan yang berlaku di antara pihak-pihak yang bertikai, dari mula perbicaraan hinggalah ke penghujungnya. Ia juga boleh diertikan sebagai satu proses penyambungan perbicaraan di mana pihak yang tidak berpuas hati boleh membuat satu permohonan perbicaraan semula di mahkamah yang lebih tinggi.

### ***Istilah Rayuan Menurut Ahli Perundangan Islam***

Rayuan menurut pengamal perundangan Islam adalah memberi ruang kepada orang tidak berpuas hati dengan keputusan yang disabitkan ke atasnya untuk mengkaji semula keputusan itu dengan mahkamah yang kedua dengan syarat mahkamah kedua lebih berautoriti dalam mengeluarkan perintah atau keputusan berbanding mahkamah perbicaraan pertama. Oleh yang demikian, autoriti ditentukan dengan pertambahan bilangan hakim beserta pengalaman dan kebijaksanaan mereka dalam urusan penghakiman (Faris al-Khuri, 1987). Di samping itu, penggubal undang-undang negara arab menggunakan istilah penolakan terhadap keputusan dan bagi istilah yang baharu bermakna kembalikan keputusan, adapun penggubal undang-undang lain seperti Mesir sebagai contoh, mereka menggunakan istilah yang berbeza iaitu kritikan terhadap keputusan. Kedua-dua istilah ini mengandungi satu makna, dua istilah adalah sama erti dan keduanya membawa maksud yang sama (Asy-Syahri, 1435H).

Dalam aspek lain, rayuan ialah kritikan daripada suatu perbalahan yang mengajak kepada kajian penghakiman yang diadakan untuk memberi penetapan pada isu dalam kajian keputusan yang telah dikeluarkan dalam isu tersebut serta sebab-sebabnya. Selain itu, ia boleh membawa perkara itu ke mahkamah yang dikhususkan untuk melaksanakannya untuk meneliti kecacatan padanya dan memperingatkan sumbernya (hakim yang mengeluarkan hukuman) kecacatan itu, atau menzahirkan kebatilannya dan membatalkannya (al Khunain, t.th). Selain itu, rayuan adalah kritikan pada keputusan iaitu cara yang dirangka oleh undang-undang untuk kepentingan orang yang diputuskan, sekiranya pihak itu ingin membantah keputusan yang dikeluarkan dengan tujuan membatalkan atau memperbetulkan atau menghilangkan kesannya (Al-Badwī, 2012).

Manakala yang dimaksudkan dengan rayuan dalam konteks kajian ini ialah salah satu cara atau jalan bagi pihak yang tidak berpuas hati dalam sesuatu kes yang telah membuat pertimbangan untuk merayu terhadap keputusan kehakiman yang dikeluarkan oleh mahkamah rendah dengan mengemukakan tuntutan baharu kepada badan kehakiman yang lebih tinggi, dengan harapan untuk membatalkan, mengubah keputusan kes tersebut. Ia bertujuan untuk meneliti kembali keputusan yang telah dikeluarkan oleh mahkamah yang lebih rendah supaya hak pihak yang tidak berpuas hati tersebut mendapat keadilan yang sewajarnya.

### **Asas Rayuan Dalam Kehakiman Islam**

Penulis berpandangan bahawa rayuan dapat dibuktikan melalui beberapa dalil yang menjadi sandaran dalam kertas kerja ini. Terdapat beberapa dalil umum dalam al-Quran, al-Hadith dan amalan para sahabat yang berkisar mengenai rayuan dalam kehakiman Islam.

#### ***Al-Quran***

Secara amnya terdapat dalil umum di dalam al-Quran yang berkisar mengenai rayuan yang menjadi sandaran kepada rayuan di dalam al-Quran berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الْمُجْرِمُونَ نَاكِسُوا رُءُوسِهِمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ رَبَّنَا أَبْصَرْنَا وَسَمِعْنَا فَارْجِعْنَا نَعْمَلْ صَالِحًا إِنَّا مُوقِنُونَ □

Bermaksud: Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina, sambil merayu),”Wahai Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar dengan sejelas-jelasnya (akan segala yang kami ingkari dahulu); maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami mengerjakan amal-amal yang baik. Sesungguhnya kami sekarang telah yakin.”

Berdasarkan kepada ayat di atas, ulama tafsir menyatakan bahawa orang kafir telah membuat pengakuan ke atas kesalahan yang telah mereka lakukan. Mereka kemudiannya merayu kepada Allah SWT untuk dikembalikan ke dunia agar dapat menjadi orang yang beriman dan berjanji untuk tidak mengulangi kekufuran mereka (al-Qurtubi, 1996). Berdasarkan ayat dan tafsir tersebut, penulis berpandangan bahawa terdapat rayuan daripada orang kafir kepada Allah SWT untuk dikembalikan ke dunia bagi melakukan amal kebajikan.

### *Al-Sunnah*

Dalam hadis baginda Rasulullah SAW juga adalah satu sumber kukuh yang boleh digunakan sebagai panduan dalam menyelesaikan permasalahan dalam kalangan umat Islam, khususnya dari aspek rayuan. Contohnya dalam hadis berikut yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, di mana baginda Rasulullah SAW telah bersabda sebagaimana berikut:-

عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْيَمَنِ فَأَنْتَهَيْتَنَا إِلَى قَوْمٍ قَدْ بَنَوْا زُبَيْةً لِلْأَسَدِ فَبَيْنَا هُمْ كَذَلِكَ يَتَدَاَفَعُونَ إِذْ سَقَطَ رَجُلٌ فَتَعَلَّقَ بِأَخْرَثٍ ثُمَّ تَعَلَّقَ رَجُلٌ بِأَخْرَثٍ حَتَّى صَارُوا فِيهَا أَرْبَعَةً فَجَرَحَهُمُ الْأَسَدُ فَأَنْتَدَبَ لَهُ رَجُلٌ بِحَزْبَةٍ فَفَتَلَهُ وَمَاتُوا مِنْ جِرَاحَتِهِمْ كُلُّهُمْ فَقَامُوا أَوْلِيَاءَ الْأَوَّلِ إِلَى أَوْلِيَاءِ الْآخِرِ فَأَخْرَجُوا السِّلَاحَ لِيُقْتَبَلُوا فَأَتَاهُمْ عَلِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى نَفِيئَةٍ ذَلِكَ فَقَالَ تُرِيدُونَ أَنْ تَقَاتِلُوا وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيٌّ هُوَ الَّذِي إِنِّي أَقْضِي إِنْ رَضِيْتُمْ فَهُوَ الْقَضَاءُ بَيْنَكُمْ فَضَاءٌ وَإِلَّا حَجَزَ بَعْضُكُمْ عَنْ بَعْضٍ حَتَّى تَأْتُوا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَسَلِّمُوا بَيْنَكُمْ فَمَنْ عَدَا بَعْدَ ذَلِكَ فَلَا حَقَّ لَهُ أَجْمَعُوا مِنْ قَبَائِلِ الَّذِينَ حَقَرُوا الْبَيْتَ رُبْعَ الدِّيَةِ وَتُلَّتِ الدِّيَةُ وَنُصِفَ الدِّيَةُ وَالِدِيَّةُ كَامِلَةٌ فَلِلْأَوَّلِ الرُّبْعُ لِأَنَّهُ هَلَكَ مَنْ فَوْقَهُ وَلِلثَّانِي ثُلُثُ الدِّيَةِ وَلِلثَّلَاثِ نِصْفُ الدِّيَةِ فَأَبَوْا أَنْ يَرْضَوْا فَأَتُوا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ عِنْدَ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ فَقَصُّوا عَلَيْهِ الْقِصَّةَ فَقَالَ أَنَا أَقْضِي بَيْنَكُمْ وَاحْتَبَى فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ إِنَّ عَلِيًّا قَضَى فِينَا فَقَصُّوا عَلَيْهِ الْقِصَّةَ فَأَجَازَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Bermaksud: Dari Ali RA dia berkata, “Rasulullah SAW mengutuskanku ke Yaman. Setelah kami sampai pada suatu kaum yang sedang membuat lubang untuk berlindung dari singa, ketika mereka sedang menunggu, mereka saling berhimpit, maka terjatuh lah salah seorang daripada mereka sambil berpegang kepada yang lain sehingga mereka seramai empat orang jatuh dan singa tersebut mencederakan mereka. Seorang daripada mereka membaling

tombaknya ke arah singa itu dan membunuhnya. Empat orang yang berada di dalam lubang tersebut meninggal dunia akibat kecederaan yang dialami. Kemudian kabilah pertama datang kepada kabilah yang lain dan mengeluarkan senjata untuk saling membunuh. Pada ketika itu datanglah Ali RA kepada mereka dan berkata, “Apakah kalian akan berperang sementara Rasulullah SAW masih hidup? Sesungguhnya aku akan memutuskan perkara di antara kalian jika kalian redha dan itu merupakan sebaik-baik keputusan. Tetapi sekiranya tidak, maka masing-masing harus menahan diri sehingga bertemu dengan Rasulullah SAW. Beliau sementara itu kemudiannya memutuskan untuk mereka, dan barangsiapa melampaui batas setelah itu, maka tiada hak baginya; kumpulkanlah  $\frac{1}{4}$  diyat,  $\frac{1}{3}$  diyat,  $\frac{1}{2}$  diyat dan diyat penuh dari kabilah-kabilah orang yang menggali lubang.” Orang yang pertama mendapat bahagiannya sebanyak  $\frac{1}{4}$  diyat kerana beliau menyebabkan kebinasaan orang yang berada di atasnya, orang yang kedua pula mendapatkan bahagiannya sebanyak  $\frac{1}{3}$  diyat, sementara orang yang ketiga mendapat bahagiannya sebanyak  $\frac{1}{2}$  diyat. Namun mereka menolak dan tidak redha akan keputusan tersebut dan mereka berjumpa dengan Rasulullah SAW di Mekah di mana baginda ketika itu berada di maqam Nabi Ibrahim a.s. Mereka seterusnya menceritakan kepada baginda Rasulullah SAW ketidakpuasan hati mereka, dan baginda Rasulullah SAW menjawab, “Aku akan memutuskan perkaranya di antara kamu.” Dalam keadaan baginda Rasulullah SAW duduk mendekap lututnya, maka salah seorang dari mereka berkata, “Sesungguhnya Ali RA telah memutuskan perkara kami” dan mereka menceritakan kisah mereka dengan panjang lebar. Baginda Rasulullah SAW mempersetujui keputusan tersebut. (Musnad Ahmad ibn Hanbal, Kitab musnad al-asarah al-mubasyirin bil jannah, bab musnad ali bin abu thalib radliyallahu anhu)

Menurut al-Shawkani, Ali RA telah membuat keputusan bahawa orang pertama mendapat  $\frac{1}{4}$  diyat kerana telah jatuh ke dalam lubang dan menyebabkan kematian seramai tiga orang. Orang kedua mendapat sebanyak  $\frac{1}{3}$  diyat kerana jatuh ke dalam lubang dan menyebabkan kematian dua orang; orang yang ketiga mendapat sebanyak  $\frac{1}{2}$  diyat kerana jatuh ke dalam lubang dan menyebabkan satu kematian; sementara orang yang keempat mendapat satu diyat penuh. Ali RA kemudian menyatakan, “Aku menetapkan diyat ini kepada semua yang berada di tepi telaga itu.” Kemudian mereka mengatakan hal ini kepada Rasulullah SAW. Maka baginda Rasulullah SAW pun bersabda, “Keputusanku adalah seperti yang telah diputuskan oleh Ali RA (al-Shawkaniyy, 1993).”

Berdasarkan kepada hadis di atas, sekiranya dianalisis dari sudut rayuan, dapat disimpulkan bahawa Ali RA telah mengeluarkan keputusan kepada pihak yang berbalah dalam kes tersebut, tetapi Ali RA telah memberi peluang kepada kabilah yang tidak berpuas hati dengan keputusannya untuk bertemu dengan Rasulullah SAW bagi mengukuhkan keputusan yang dikeluarkan oleh beliau. Hal ini menunjukkan bahawa pihak yang tidak berpuas hati boleh mengemukakan rayuan kepada sesuatu keputusan hakim. Di dalam hal seperti ini, diandaikan bahawa hakim yang lebih berpengalaman boleh membantu semua pihak mendapatkan keadilan. Inilah kedudukan yang tepat sebagaimana yang dianjurkan oleh syariah yang mana perlu diperincikan.

### ***Amalan Sahabat***

Pada masa pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin, sekiranya berlaku pertikaian, para khalifah memutuskan kes berdasarkan dalil-dalil al-Qur’an, al-Hadith, ijma’ dan *qiyās* memandangkan baginda Rasulullah SAW telah wafat pada ketika itu. Pada masa itu, para sahabat telah mempergiatkan amalan ijtihad yang merupakan salah satu sumber hukum yang disepakati setelah

kewafatan baginda Rasulullah SAW. Semasa kewafatan baginda Rasulullah SAW agama Islam telah sempurna dan lengkap dari aspek prinsip dan hukum-hukumnya. Ini memudahkan pemerintah selepas baginda Rasulullah SAW menjalankan proses ijtihad berdasarkan sumber-sumber daripada al-Qur'an dan as-Sunnah yang tersedia. Para sahabat telah menggunakan ijtihad secara meluas berpandukan sumber hukum yang sedia ada kerana mereka pernah hidup sezaman dengan baginda Rasulullah SAW dan telah mendapat latihan dan pendedahan yang sebaiknya. Dalam konteks ini, terdapat dua amalan sahabat pada zaman khulafa ar-Rasyidin iaitu pada zaman Umar RA dan pada zaman Uthman RA yang telah mengendalikan kes dengan menggunakan analisis rayuan. Ada juga para sahabat yang tidak bersependapat antara satu sama lain tetapi ianya tidak memberi sebarang kesan kepada kesahihan keputusan mereka.

### ***Amalan sahabat dari Umar RA***

Dalam kes lain, terdapat satu situasi yang diriwayatkan tentang Abdullah Ibn Mas'ud yang telah dilantik oleh Umar RA untuk menjadi hakim di Kufah. Seorang lelaki telah dibawa kepada hakim Abdullah Ibn Mas'ud yang mana lelaki tersebut telah dijumpai bersama dengan seorang perempuan di dalam selimutnya, tanpa bukti lain selain itu. Hakim Abdullah Ibn Mas'ud telah menyebat lelaki tersebut di hadapan khalayak ramai dengan 40 kali sebatan. Saudara-mara lelaki tersebut berasa amat marah dan telah pergi berjumpa dengan Umar RA dan mereka mendakwa bahawa hakim Abdullah Ibn Mas'ud telah menganiaya seorang lelaki daripada kaum mereka. Umar RA kemudiannya mengemukakan soalan kepada Abdullah Ibn Mas'ud tentang isu tersebut. Hakim Abdullah Ibn Mas'ud menjelaskan situasi tersebut kepada Umar RA sepertimana berikut:

“Lelaki itu dibawa kepadaku dan dia telah dijumpai bersama seorang wanita di dalam selimutnya, dan tiada bukti lain selain itu. Aku telah menyebatnya di khalayak ramai dengan 40 kali sebatan.” Lalu Saidina Umar RA berkata, “Saudara-mara lelaki tersebut telah datang kepadaku untuk meminta pendapat tentang keputusan yang telah kamu buat.”

Dalam kes ini, saudara-mara lelaki yang disebut tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dibuat oleh hakim Abdullah bin Mas'ud. Mereka telah merayu untuk membawa kes tersebut kepada seseorang yang mempunyai jawatan yang lebih tinggi iaitu Umar RA, dan Umar RA sendiri menegakkan keputusan Abdullah Ibn Mas'ud. Kemudian, Umar RA menulis surat kepada hakim Abu Musa al-Ash'ari. Walaupun ia surat terbuka, adalah jelas bahawa ia adalah satu keperluan untuk membuat pembetulan ke atas keputusan hakim lain yang mungkin mempunyai kesilapan. Di dalam surat tersebut mengandungi:

“Janganlah sesuatu menghalang keputusan kamu setelah kamu memutuskan pada hari ini, maka hendaklah kamu mengulangkaji kesemuanya mengikut ijtihad kamu. Itu akan memberi hidayah kepada kamu jika kamu mengulangkaji untuk mencari kebenaran. Maka sesungguhnya kebenaran itu tetap berkekalan dan tidak boleh dibatalkan oleh sesuatu. Mengulangkaji sesuatu kebenaran adalah lebih baik daripada berterusan di dalam kebatilan.” (Al-Māwardī, 1985).

Berdasarkan kepada surat tersebut, penulis berpandangan bahawa ketua atau pemimpin sesebuah negara mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada hakim dan mesti tiada konflik antara kuasa mahkamah dengan ketua negara dalam menasihatkan atau

mengarahkan hakim apa yang diperlukan mengikut kesesuaian. Dalam kes ini, Umar RA mempunyai tugas untuk mengarah dan memerhati segala urusan kehakiman dan mengambil langkah yang akan membawa kebaikan dan kelebihan kepada pentadbiran mahkamah yang adil. Perbincangan ini mengesahkan bahawa prinsip rayuan sememangnya wujud dalam sistem kehakiman Islam. Mahkamah yang lebih tinggi mempunyai kuasa untuk membatalkan kes yang dibawa ke hadapan mereka oleh pihak yang terlibat. Kewujudan sistem atau konsep rayuan telah dibuktikan dengan tiada rasa syak wasangka lagi di dalam sejarah sistem kehakiman Islam.

### ***Amalan sahabat dari Uthman RA***

Pada zaman Uthman RA, telah berlaku satu kes rayuan dimana Hisan bin Thabit iaitu salah seorang penyair Rasulullah SAW telah berselisih dengan beberapa orang. Kes tersebut telah dibicarakan oleh Uthman RA dan satu keputusan telah diputuskan oleh beliau, akan tetapi keputusan tersebut telah tidak dipersetujui oleh Hisan bin Thabit. Kemudian Hisan telah bertemu dengan Ibn Abbas dan menceritakan tentang ketidakpuasan beliau terhadap keputusan yang diputuskan oleh Uthman RA. Kemudian Ibn Abbas berkata, “Kebenaran itu adalah hak kamu, tetapi kamu telah tersilap dalam memberikan hujah. Oleh itu, serahkanlah kepadaku untuk berhujah dengan Uthman RA.” Setelah Ibn Abbas menemui Uthman RA dan berhujah mengenai kes tersebut bagi pihak Hisan bin Thabit, kemudian Uthman RA membuat keputusan bahawa Hisan bin Thabit tidak bersalah (Zafir al-Qāsimī, 1977).

Berdasarkan kepada kes tersebut, penulis berpandangan bahawa berlaku proses rayuan pada zaman sahabat di mana Hisan bin Thabit tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Uthman RA berkaitan perselisihan beliau dengan beberapa orang. Kemudian Ibn Abbas telah mewakili bagi pihak Hisan bin Thabit untuk bertemu dengan Uthman RA bagi mengemukakan hujah. Kemudian setelah Ibn Abbas berhujah dengan Uthman RA dan membuat pertimbangan, maka Uthman memutuskan bahawa Hisan bin Thabit tidak bersalah.

### **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada kertas kerja ini, penulis mendapati bahawa terdapat dalil hukum syarak mengenai rayuan di dalam al-Quran sebagaimana yang disebut bahawa orang-orang kafir merayu kepada Allah SWT agar dikembalikan ke dunia bagi melakukan amal kebajikan. Bagi al-Sunnah pula, terdapat kisah rayuan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad di mana kisah Ali RA telah mengeluarkan keputusan kepada pihak yang berbalah dalam kes tersebut, tetapi Ali RA telah memberi peluang kepada kabilah yang tidak berpuas hati dengan keputusannya untuk bertemu dengan Rasulullah SAW bagi mengukuhkan keputusan yang dikeluarkan oleh beliau. Selain itu, terdapat dua amalan sahabat yang memutuskan kes rayuan sebagaimana kisah Umar R.A mengutus surat kepada hakim Kufah iaitu Abu Musa al-Ash'ari supaya berhati-hati dalam membuat keputusan dan bagi kes yang kedua pula sebagaimana kisah Uthman RA, telah membuat keputusan bahawa wanita tersebut patut direjam dengan batu, dan apabila keputusan tersebut telah sampai kepada Ali RA, beliau telah mengubah keputusan tersebut berdasarkan kuasanya. Bagi dalil syarak berkaitan istidlal pula, penulis mendapati bahawa wujud dalil syarak rayuan sebagaimana satu hadis daripada Aisyah RA bahawa keputusan yang tidak sah dan bertentangan dengan syarak hendaklah dibatalkan.

Sehubungan dengan itu, diharap kertas kerja ini dapat memberi pendedahan kepada pengamal undang-undang khususnya pengamal undang-undang syariah bahawa terdapat beberapa dalil syarak yang berkaitan dengan rayuan dalam kehakiman Islam. Penulis mengharapkan kertas kerja ini dapat memberi panduan kepada pengamal undang-undang syariah khususnya hakim yang mendengar rayuan di mahkamah syariah bahawa terdapat keharusan rayuan dalam kehakiman Islam ketika melaksanakan prosiding rayuan di mahkamah syariah.

## RUJUKAN

Abdul Basir Mohamad. (2004). Rayuan, Semakan dan Ulang Bicara Dalam Sistem Kehakiman Islam dlm. *Al-Syariah Kehakiman Islam*, Siti Zalikhah Haji Md. Nor et. al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abū al-Qāṣim Maḥmūd bin Amru bin Aḥmad al-Zamkhasrī. (t.t.) *al-Fa'iq fī Khuraybī al-Ḥadīth*. Lubnan: Dār al-Ma'rifah.

Abū Bakr 'Abd al-Razzāq bin Hamām al-Ṣan'anī. (2015). *Muṣannaf 'Abd al-Razzāq al-Maktabah al-Islāmiyyah*. Bayrūt: Dār al-Ta'sīl.

Anwār al-Amrusī. (2005). *Uṣūl al-Murāfa'at al-Shar'iyyah fī Masā'il al-Aḥwāl al-Shakṣiyyah*. Bayrūt: Dār al-Fikr.

Aḥmad Mukhtār 'Umar. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'āsirah*. Qāhirah: Alīmun Kutub.

Asy-Syahri, Syakir bin Ali. (1435H). *Usul at-Tho'n bi Tarīq al-Isti'nāf*. Riyadh: Kementerian Keadilan Kerajaan Arab Saudi.

Farīs al-Khurī. (1987). *Usul al-Muhakamāt al-Khuquqiyyah: Darus Nadriyyah wa Amaliyyah*. Jilid 2. Oman: al-Dar al-'Arabiyyah li al-Nasr wa al-Tawzīq.

Haydar, Alī. (1996). *Durar al-Hukkām fī Sharh Majlati al-Ahkām*. Bayrūt: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Farqun, Ibrahīm ibn Muhammad. (2003). *Tabsīrāt al-Hukkām fī Usul al-Aqdiyyah wa Manāhij al-Ahkām*. al-Riyad: Dar 'Alīm al-Kutub.

Ibn Manzūr, Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukarram al-Anṣārī. (1990). *Lisān al-'Arab*. Bayrūt: Dār al-Fikr.

Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. (1983). *Ensklopedia Fiqh Kuwait*. Jilid ke 3. Kuwait: Dar al-Salasil.

Al-Khunain, Abdullah bin Muhammad. (t.th). *al-Kashf fī Syarh Nizām al-Murāfa'āt as-Sa'udī*, Jilid 2. al-Riyad: Dar Alīm al-Kutub

Mahmud bin Muhammad Ibn 'Urnus. (1934). *Tarīkh al-Qadhā' fī Islām*. Qāhirah: al-Matba'at al-Misriat al-Ahliat al-Ḥadīth.

Al-Māwardī, Abū al-Ḥassan 'Alī Ibn Ḥabīb al-Baṣrī. (1985). *Aḥkām al-Sultāniyyah*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Muhammad bin Yakob al-Fairuz al-Abadi. (1987). *al-Qāmus al-Muhīd*. Lubnan: Muassasah al-Risalah.

al-Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari. (1996). *al-Jami'li Ahkam al-Quran*. Cairo: Dar al-Hadis.

Syauqi Dhaif. (2011). *Al-Mu'jam al-Wāsith*. Mesir: Maktabah Shurouq ad-Dawliyyah.

al-Shawkaniyy, Muhammad bin Ali bin Muhammad. (1993). *Nayl al-Awtar*. al-Qahirah: Dar al-Ḥadīth



Wan Azlan Ahmad & Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud. (2006). *Administrative Law In Malaysia*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.

Zafir al-Qāsimī. (1977). *Nizām al-Ḥukm fī al-Sharī'ah wa al-Tarīkh*. Bayrūt: Dār al-Nafā'is.